

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023**TINGKATAN 5****BAHASA MELAYU****1103/2****KERTAS 2****2 jam 30 minit**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan atau kertas kjang.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA*[35 markah]*

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata sendi nama. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata sendi nama tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Berkebun mampu menghilangkan tekanan dan rasa bosan. Kaedah tanaman hidroponik semakin digemari masyarakat kerana mereka mampu berkebun tanpa menggunakan tanah. Kaedah tanaman ini bukan sahaja mesra alam, malah menghasilkan produk pertanian segar dan selamat untuk pengguna.

Tanaman hidroponik menyumbang kepada kelestarian alam sekitar kerana mampu mengurangkan kos dan penggunaan air yang banyak. Pertanian ini hanya menggunakan 10 peratus daripada jumlah penggunaan tanaman atas tanah. Hidroponik juga menggunakan air yang sudah digunakan untuk penanaman selepas penuaian. Tanaman ini menjimatkan penggunaan baja kerana tiada pembaziran dan pada masa sama, tidak mencemarkan alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kaedah Tanaman Hidroponik Mudah, Selamat'
oleh Nur Aini Afiqah Mohd Zailani,
bharian.com.my, 2 Disember 2020.

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan jenis ayat yang bergaris, sama ada **Ayat Perintah, Ayat Penyata, Ayat Seruan, atau Ayat Tanya.** Anda perlu menyalin ayat itu semula dan menyatakan jenisnya.*

“Saya ditawarkan biasiswa untuk belajar di universiti!”

“Wah, tahniah! Awak ni hebat sungguh.”

“Awak pula bagaimana? Awak dah dapat keputusannya?”

“Saya tidak senasib dengan awak.”

“Tentu ada peluang lain nanti. Janganlah sedih sangat.”

Setiap kali Aiman membaca mesej perbualannya dengan Ganesh, perasaan kesal menyerbunya.

‘Macam mana ni? Nak belajar pun tak ada modal. Nasib, nasib,’ keluhnya sendirian.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Terima Kasih, Ayah’,

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, 2019

[4 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa.** Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Kegigihan merupakan asas kejayaan yang penting dalam hidup kerana memberikan daya tahan untuk menghadapi cabaran dan kegagalan. Kegigihan membantu seseorang untuk terus berusaha namun menghadapi rintangan dan kesukaran, memperbaiki kemahiran dan prestasi, serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Kegigihan juga membantu memupuk ketrampilan menyelesaikan masalah pertahanan mental dan fizikal, serta memberikan keyakinan diri yang mantap. Kegigihan bukanlah sifat yang lahir dengan sendirinya, tetapi boleh dipelajari dan diasuh melalui latihan dan pengalaman kehidupan.

[5 markah]

Bahan 2

Disiplin merupakan asas kejayaan yang penting dalam kehidupan seseorang. Disiplin membantu seseorang untuk memperolehi kualiti dan keputusan yang terbaik dalam apa jua bidang yang dijalankan. Dengan disiplin, seseorang dapat peningkatan kecekapan dan produktiviti untuk menjalankan tugas, mengekalkan fokus dan konsentrasi, serta pupuk tanggungjawab dan kesungguhan dalam melaksanakan sesuatu. Disiplin juga membantu seseorang meningkatkan tabiat yang baik dan mengurangkan tabiat yang bernas. Disiplin memerlukan ketekunan, tekad, dan tindakan yang konsiten untuk mencapai matlamat dan kejayaan.

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya*

Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunya pun menyuruh ke Melaka hendak meminta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Sudah berkali-kali Fauziah menegur dan menasihati kawannya, Rohaya. Segala nasihatnya tidak mendatangkan kesan, seperti ____1____. Namun begitu, Fauziah berpendirian Rohaya ____2____ kerana begitulah hati seorang perempuan, jika dipujuk tentu akan lembut juga. Fauziah tidak mahu temannya itu berputus asa dalam mengejar cita-cita. Biarpun sukar, Rohaya perlulah bersungguh-sungguh dalam pelajarannya kerana ____3____.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Bahan 1

Industri ikan air tawar berpotensi besar bagi menjana sosioekonomi rakyat. Bukan itu sahaja, sektor ini juga boleh dipromosikan ke peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana ikan air tawar mula digemari ramai termasuklah pelancong luar negara. Ada yang sanggup datang ke Malaysia semata-mata untuk mencuba rasa dan keenakan ikan air tawar seperti ikan tilapia, keli dan patin. Sektor perikanan dilihat memainkan peranan penting sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempromosikan industri ke peringkat lebih tinggi agar peranan tersebut terus dapat dinikmati oleh negara. Antaranya, pemberian pinjaman modal kepada para penternak dengan bayaran balik yang tidak membebankan mereka. Kita sedia maklum bahawa pemberian insentif tersebut akan dapat memberi kemudahan kepada penternak ikan air tawar kerana perniagaan tersebut memakan modal yang agak besar. Selain itu, pihak berwajib perlulah memastikan stok anak ikan air tawar sentiasa mencukupi supaya penternak tidak putus bekalan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sektor Perikanan Air Tawar Berpotensi Dikomersialkan'
oleh Noor Atiqah Sulaiman,
Berita Harian, 24 Mac 2022

Bahan 2

Permintaan terhadap hidupan laut seperti ikan, udang dan sotong semakin meningkat sejak kebelakangan ini selari dengan pertambahan jumlah penduduk di negara ini. Namun, kini timbul sedikit kegusaran kepada rakyat akibat harga hasil laut yang tidak menentu, adakalanya murah, adakalanya mahal. Hal ini bergantung kepada kos operasi seperti kos bahan api dan kos upah. Justeru, tindakan yang sewajarnya perlu dilakukan oleh pihak berwajib agar harga hasil perikanan dapat dikawal serta penjual dan pembeli berada dalam situasi menang-menang.

Dalam usaha untuk memajukan lagi sektor perikanan ini, beberapa inisiatif utama diambil antaranya dengan memajukan kawasan luar pantai bagi perusahaan ikan dalam sangkar dengan menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur termasuk FDI. Selain itu, menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur asas bagi aktiviti-aktiviti perikanan yang ditempatkan di kawasan-kawasan 'landbased' dan menggunakan teknologi canggih serta teknik moden. Di samping itu, *menambah kapasiti* dan keupayaan Jabatan Perikanan sebagai "Competent Authority" bagi memudah cara akses pasaran tempatan dan antarabangsa, termasuk pengiktirafan makmal-makmal perikanan, pengeluaran sijil kesihatan dan lain-lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Meningkatkan Sektor Perikanan'
oleh Salawati Haji Yahya

<https://mediapermata.com.bn/meningkatkan-sektor-perikanan-negara>

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menambah kapasiti*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk kepada **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan usaha yang boleh dilakukan untuk memajukan sektor perikanan negara.
[3 markah]
- (iii) Golongan muda kini kurang memilih sektor perikanan sebagai kerjaya pilihan mereka. Pada pendapat anda, apakah punca-punca golongan muda kini kurang meminati bidang tersebut?
[3 markah]
- (iv) Seorang rakan anda telah menamatkan pengajian dalam bidang perikanan dan bercita-cita untuk mengusahakan satu projek ternakan ikan sangkar. Namun hasratnya tidak kesampaian kerana tidak mempunyai modal serta tidak mempunyai pengetahuan untuk memulakan projek tersebut. Sebagai rakan yang prihatin, apakah usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk membantu rakan anda?
[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Lantas fikirannya menerawang teringat akan kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini. Kesilapan demi kesilapan yang menguji kesabaran emak dan ayahnya, namun kedua-duanya tidak pernah membuangnya mahupun mengabaikannya, malah berusaha sebaik-baik mungkin untuk memberikannya yang terbaik. Air mata Ayu mengalir laju membasahi pipi.

“Ayu minta maaf, emak, ayah. Ayu minta ampun.” Buku bank itu digenggam kuat. Emak dan ayahnya seperti sudah terasa akan meninggalkannya sendirian.

“Ya Allah. Kau ampunkanlah kesalahanku. Kau berikanlah aku lima minit untuk bertemu dengan kedua-dua orang tuaku. Aku ingin memohon ampun dan maaf kepada mereka. Aku menyesal. Emak, ayah, Ayu minta maaf. Ayu berjanji akan belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya menjejakkan kaki ke universiti.”

Dipetik daripada cerpen ‘Berikan Aku 5 Minit’

oleh SN Hayani

Dewan Siswa, Bil. 03/2023

Bahan 2**Kasih Sayang Ibu Bapa**

Petik sayur si daun bidara,

Makan bersama daun pegaga;

Kasih ayah kekal terpelihara,

Kasih ibu membawa ke syurga.

Kuih donat enak rasanya,

Banyak dijual di pasar malam;

Anak demam panas badannya,

Ibu berjaga siang dan malam.

Kelapa bergolek hala ke depan,

Disambut dengan penuh sopan;

Bapa bersiap segala kelengkapan,

Menyambut kelahiran anak harapan.

Pergi ke kebun memetik cili,

Pergi dengan hati yang tenang;

Pengorbanan ayah besar sekali,

Jasa dibalas budi dikenang.

Setelah harung susah dan payah,

Kini hidupnya penuh kekayaan;

Harapan menggunung ibu dan ayah,

Tekadkan semangat gapai kejayaan.

Aisyah Irdina

Sungai Rambai, Melaka.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan perkara-perkara yang ingin dilakukan oleh Ayu setelah kematian ibu dan ayahnya. [2 *markah*]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan tindakan-tindakan yang memaparkan kasih sayang ibu bapa kepada anak mereka. [3 *markah*]
- (iii) Banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh ibu bapa sejak kita masih bayi. Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat segelintir remaja yang tidak menghargai pengorbanan tersebut.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan terjadi sekiranya sikap ini terus dilakukan oleh remaja tersebut? [4 *markah*]

- (iv) Hampir setiap hari anda mendengar luahan hati rakan sekelas anda tentang kedua ibu bapanya. Rakan anda mengatakan bahawa segala permintaannya sering tidak dipenuhi oleh kedua ibu bapanya sehingga menyebabkannya berasa tertekan dan tiada semangat untuk memberikan tumpuan dalam pelajaran.

Sebagai seorang rakan yang bertanggungjawab, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk membantu rakan anda? [4 *markah*]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebelum pemuda itu dihantar ke hospital besar yang sebenarnya sebuah hospital sakit jiwa, dia telah diberikan susu yang sudah dicampurkan dengan sedikit ubat penenang.

Kemudiannya, mereka ketahui juga cerita sebenar tentang pemuda tersebut. Rupa-rupanya, pemuda itu ialah bekas penuntut di sebuah universiti tempatan dalam jurusan perubatan juga. Namun, dia gagal dalam peperiksaan semester akhirnya. Akibat desas-desus negatif yang timbul daripada jiran tetangga, tekanan yang tidak henti-henti daripada keluarganya dan juga teman wanitanya yang berpunca daripada kegagalan itu, akhirnya pemuda itu mencari tempat pelarian. Lari sehingga dia dianggap sebagai seorang yang hilang akal. Sekurang-kurangnya, begitulah yang diceritakan oleh ibu tua Unong Siron kepada para doktor dan jururawat yang kelihatan tekun mendengar ceritanya itu.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*
oleh Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah sebab-sebab pemuda itu lari sehingga dia dianggap sebagai seorang yang hilang akal? [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Disebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca. [6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN*[30 markah]*

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Pengambilan sarapan ialah amalan rutin bagi sesetengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi dan sebelum memulakan sesuatu urusan seperti belajar atau bekerja. Namun begitu, bagi sesetengah orang, bersarapan bukanlah satu kewajipan dalam kehidupan mereka. Ramai yang mengambil mudah berkaitan sarapan kerana mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakannya. Selain itu, bagi pekerja yang bertugas pada waktu malam, mereka lebih mengutamakan waktu pagi sebagai masa tidur kerana kerja malam yang memenatkan.

Sebenarnya, pengambilan sarapan secara tidak langsung dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan selain membantu seseorang untuk lebih bersedia melaksanakan tugas di tempat kerja. Oleh hal yang demikian, sarapan tidak sepatutnya dipandang ringan oleh setiap individu. Bagi sesetengah keadaan pula, sarapan yang diambil tidak menepati ciri-ciri sarapan yang baik. Dalam hal ini, biarpun kita bersarapan, kualiti sarapan juga perlu dijaga.

Banyak kajian mendapati bahawa sarapan mampu meningkatkan ingatan dan tumpuan seseorang, malahan dapat menurunkan tahap kolesterol jahat, iaitu lipoprotein berketumpatan rendah di dalam darah. Kolesterol ini amat membahayakan kesihatan diri kerana boleh menyebabkan pemendakan lemak dan menyempitkan salur darah. Oleh hal yang demikian, mereka yang mengabaikan sarapan boleh membawa kepada risiko mendapat penyakit berbahaya.

Waktu yang paling optimum untuk mengambil sarapan adalah antara 30 minit hingga dua jam selepas terjaga daripada tidur. Pengambilan sarapan mampu membantu individu yang mahu menurunkan berat badan. Hal ini kerana makanan yang tinggi seratnya boleh mengenyangkan dalam tempoh yang lama dan mengurangkan selera makan. Mereka yang mempunyai tahap kolesterol yang tinggi dalam darah disarankan mengambil sarapan supaya metabolisme badan dan komposisi kolesterol di dalam darah dapat dioptimumkan.

Kesimpulannya, masyarakat yang mementingkan kesihatan perlu mengutamakan pengambilan sarapan pada setiap hari.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Sarapan Cegah Penyakit’
oleh Mohd. Faizal Mat Salleh,
Dewan Kosmik, Bil.9/2018

Bahan 2

Kembang pagi bunga di hulu,
Tepian dahlia dipetik raja;
Sarapan pagi amalkan selalu,
Pasti ceria tika bekerja.

Terbang belibis ke hujung pekan,
Di panas terik angin menerpa;
Sarapan pagi jika diamalkan,
Penyakit kronik tidak menerpa.

KERTAS SOALAN TAMAT